

- 1 Merujuk kepada pilihan di bawah yang manakah merupakan proses simpan kira?
- I Merancang
 - II Merekodkan
 - III Menganalisis
 - IV Melaporkan
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 2 Mengapakah Luca Pacioli diberi gelaran 'Bapa Perakaunan'?
- A seorang ahli perakaunan.
B memulakan Sistem Catatan Bergu.
C menerbitkan pelbagai karya perakaunan.
D memperkenalkan Sistem Catatan Bergu secara bertulis.
- 3 Pihak manakah yang menggunakan penyata kewangan untuk tujuan semakan dan percukaian?
- A Pelabur
B Pihak bank
C Agensi kerajaan
D Pihak pengurusan
- 4 Antara berikut, yang manakah bukan andaian dalam perakaunan?
- A Ketekalan
B Entiti berasingan
C Usaha berterusan
D Wang sebagai ukuran

- 5 Pernyataan manakah menerangkan ciri yang betul bagi Firma Akauntan Bazli dan Rakan-rakan?
- A Liabiliti tidak terhad
 - B Bilangan minimum ahli 20 orang
 - C Agihan keuntungan dalam bentuk bonus
 - D Sumber modal daripada penjualan saham
- 6 Antara berikut, yang manakah merupakan Aset Semasa?
- A Tunai, Akaun Belum Terima dan Inventori akhir
 - B Tunai, Akaun Belum Bayar dan Inventori akhir
 - C Tunai, Mesin dan Inventori akhir
 - D Tunai, Modal dan Inventori akhir
- 7 Komponen manakah yang terlibat dalam pengiraan untung kasar?
- I Aset
 - II Belanja
 - III Kos jualan
 - IV Jualan bersih
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 8 Maklumat berikut menunjukkan kesan terhadap persamaan perakaunan.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	Bertambah

Urusniaga manakah yang menepati kesan pada persamaan perakaunan di atas?

- A Membuat bayaran kepada Akaun Belum Bayar sebanyak RM800 secara tunai.
 - B Membayar ansuran pinjaman RM1 500 dan faedah pinjaman RM300 dengan cek.
 - C Menjelaskan bayaran kepada Akaun Belum Bayar sebanyak RM5 200 dengan cek untuk menjelaskan hutang sebanyak RM5 500.
 - D Menerima bayaran daripada Akaun Belum Terima sebanyak RM5 000 dengan cek untuk menjelaskan hutang sebanyak RM6 000.
- 9 Catatan kontra akan mengurangkan akaun induknya.
Antara berikut manakah merupakan catatan kontra?
- A Akaun belum terima
 - B Inventori akhir
 - C Kadar bayaran
 - D Ambilan
- 10 Dokumen manakah yang terlibat dalam urus niaga secara kredit?
- A Memo
 - B Invois
 - C Baucar
 - D Bil Tunai

11 Dokumen yang manakah digunakan dalam urus niaga tunai?

- I Invois
- II Bil tunai
- III Nota debit
- IV Slip transaksi perbankan elektronik
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

12 Pilih padanan yang **betul** bagi dokumen dan urus niaganya.

	Dokumen	Urus niaga
A	Keratan cek	Bukti penerimaan wang
B	Bil tunai	Penerimaan diskaun tunai
C	Nota debit	Pemulangan barang niaga
D	Invois	Pembelian barang niaga secara kredit

13 Maklumat berikut berkaitan dengan syarat diskaun tunai dalam satu invois.

Syarat: 10% 7 hari 2% 30 hari
--

Encik Fatah telah menerima invois berjumlah RM1 600 pada 10 Januari 2025. Beliau telah menjelaskan invois itu pada 28 Januari 2025.

Hitungkan jumlah yang perlu dibayar oleh Encik Fatah.

- A RM1 408
- B RM1 440
- C RM1 568
- D RM1 600

- 14 Maklumat di bawah menunjukkan suatu urusan niaga.

Membeli komputer secara kredit untuk kegunaan pejabat

Apakah buku catatan pertama untuk merekodkan urusan niaga tersebut?

- A Jurnal Am
- B Buku Tunai
- C Jurnal Belian
- D Jurnal Pulangan Belian

- 15 Jurnal berikut diperoleh daripada buku perakaunan KJ Entertainment.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol	Debit	Kredit
2025 Ogos 1	Bank Lengkapan Modal (Aset dan modal pada tarikh ini)		RM 20 000 8 000	RM 28 000

Apakah jenis urusan niaga yang direkodkan di atas?

- A Catatan pelarasan
- B Catatan penutupan
- C Catatan pembukaan
- D Catatan pembetulan kesilapan

- 16 Antara berikut, yang manakah **Jurnal Khas**?

- A Jurnal Penerimaan Tunai
- B Buku Tunai Runcit
- C Buku Tunai
- D Jurnal Am

17 Manakah peraturan merekodkan Buku Tunai yang tepat?

- I Debit - Terima cek daripada Akaun Belum Terima
 - II Debit- Bayar utiliti dengan tunai
 - III Kredit- Terima komisen dengan tunai
 - IV Kredit - Bayar gaji pekerja dengan cek.
- A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

18 Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Zafie Enterprise.

Tarikh	Perkara	RM
1 Ogos 2025	Jumlah penerimaan	300
31 Ogos 2025	Baki tunai runcit	85

Berdasarkan Sistem Panjar, berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada juruwang?

- A RM515
B RM300
C RM215
D RM85
- 19 Antara berikut, yang manakah merupakan tujuan pembahagian lejar?
- A Kualiti dan kecekapan perekodan dapat ditingkatkan.
B Kerja-kerja mencatat sukar dilakukan.
C Rujukan rumit untuk dilaksanakan.
D Kesilapan tidak dapat dielakkan.

- 20 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Dhinah Trading. Pasangan manakah yang **betul**?

	Butir	Jenis akaun
A	Gaji belum bayar	Akaun Nominal
B	Kenderaan	Akaun Nominal
C	Tunai	Akaun Nyata
D	Sewa	Akaun Nyata

- 21 Perniagaan Hong Fu membeli alatan pejabat secara tunai. Akaun yang manakah akan dikreditkan?

- A Tunai
- B Belian
- C Alatan pejabat
- D Akaun belum bayar

- 22 Berikut adalah Akaun Belian Kedai Runcit Ibad.

Akaun Belian

Tarikh	Butiran	Jumlah	Tarikh	Butiran	Jumlah
2024		RM	2024		RM
Nov 15	Tunai	1 200	Nov 17	Derma	300
30	Akaun belum bayar	7 000			

Pada 25 November 2024, Encik Ibad terlupa merekod ambilan barang niaga RM600. Berapakah baki Akaun Belian pada 30 November 2024?

- A RM7 900
- B RM7 480
- C RM7 300
- D RM7 120

- 23 Antara berikut, yang manakah **bukan** tujuan Akaun Kawalan disediakan?
- A Mengimbangkan Lejar Am
 - B Memudahkan kesilapan dikesan
 - C Memudahkan perniagaan memaksimumkan untung
 - D Memudahkan pengiraan baki keseluruhan Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar

- 24 Akaun berikut diperoleh daripada buku perniagaan Yasmee Enterprise.

Akaun Kawalan Belum Terima

2025	RM	2025	RM
April 1 Baki b/b	1 300	April 30 Pulangan jualan	500
30 Jualan	6 600	Bank	4 420
		Diskaun diberi	450
		Baki h/b	S

Berapakah nilai S pada 30 April 2025, jika terdapat sekeping cek bernilai RM800 yang diperoleh daripada Kedai Micole dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda “*Rujuk kepada penyuruh bayar*” dan RM90 diskaun ditarik balik?

- A RM1 640
- B RM2 530
- C RM3 240
- D RM3 420

- 25 Antara yang berikut, pernyataan manakah yang benar tentang Imbangan Duga?
- I Menguji ketepatan catatan bergu
 - II Membetulan kesilapan melalui jurnal khas
 - III Mempamerkan jumlah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik
 - IV Mengandungi senarai baki yang diambil daripada lejar
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 26 Bagaimanakah cara pengiraan inventori secara fizikal Kedai Runcit Lisa pada akhir tempoh perakaunan?
- A Sistem purata wajaran
B Sistem inventori purata
C Sistem inventori berkala
D Sistem inventori berterusan
- 27 Puan Sofia ialah pemilik kedai yang menjual alat tulis. Antara di bawah yang manakah merupakan inventori kedai Puan Sofia.
- A Dakwat pencetak, sampul surat berdaftar, kertas graf
B Pen, kertas A4, mesin pencetak
C Kalkulator, fail poket, kad manila
D Set geometri, kertas lukisan dan rak pameran
- 28 Antara berikut yang manakah dicatatkan di bahagian hasil semasa penyediaan Akaun Untung Rugi.
- A Pertambahan hutang ragu
B Faedah atas simpanan
C Hutang lapuk
D Rugi atas pelupusan aset bukan semasa

- 29 Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada buku Alisha Enterprise.

Alisha Enterprise		
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Jun 2025		
	RM	RM
Aset Bukan Semasa		
Kenderaan		25 000
Aset Semasa		
Inventori akhir	3 840	
Akaun Belum Terima	1 475	
Bank	12 500	
Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar	1 372	

Hitungkan modal kerja bagi Alisha Enterprise.

- A RM42 815
- B RM17 815
- C RM16 443
- D RM41 443

30 Antara berikut yang manakah menunjukkan catatan penutupan Akaun Pulangan Belian.

A		Akaun Pulangan Belian			
2024		RM	2024		RM
Dis	Akaun	12 200	Dis 31	Akaun Belum Bayar	12 200
31	Perdagangan				
		12 200			12 200

B

Akaun Pulangan Belian							
2024			RM	2024			RM
Dis	Akaun Belum		12 200	Dis 31	Akaun		12 200
31	Bayar				Perdagangan		
			12 200				12 200

C

Akaun Pulangan Belian							
2024			RM	2024			RM
Dis	Untung Rugi		12 200	Dis 31	Akaun Belum Bayar		12 200
31							
			12 200				12 200

D

Akaun Pulangan Belian							
2024			RM	2024			RM
Dis	Akaun Belum		12 200	Dis 31	Untung Rugi		12 200
31	Bayar						
			12 200				12 200

- 31 Antara yang berikut, manakah yang benar tentang pelarasan pada tarikh imbalan?
- I Belanja prabayar ialah liabiliti semasa bagi sebuah perniagaan.
 - II Hasil belum terperoleh ialah aset semasa bagi sebuah perniagaan.
 - III Menurut perakaunan asas tunai, hasil diiktiraf apabila tunai diterima
 - IV Perakaunan asas akrual mengiktiraf belanja yang patut dibayar dalam sesuatu tempoh perakaunan
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 32 Pada 1 Mac 2024, Syarikat Permata telah menyewakan sebahagian daripada premisnya kepada Kedai Gunting Ramesh bernilai RM6 000 setahun. Sehingga 31 Disember 2024, Syarikat Permata telah menerima bayaran sewa daripada Kedai Gunting Ramesh sebanyak RM4 000. Hitung sewa belum terima yang direkodkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan bagi tempoh perakaunan yang berakhir 31 Disember 2024.
- A RM1 000
B RM2 000
C RM4 000
D RM6 000

- 33 Maklumat berikut diambil daripada Imbangan Duga Kedai Runcit Bakawali pada 30 Jun 2025.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	16 400	
Peruntukan Hutang Ragu		560

Jika peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas Akaun Belum Terima, hitung nilai bersih Akaun Belum Terima pada 30 Jun 2025.

- A RM15 048
 B RM15 580
 C RM15 840
 D RM16 140
- 34 Rekod perakaunan berikut telah diambil daripada perniagaan Gemilang Enterprise.

Akaun Perabot			
2024	RM		
Jan 1	Baki b/b	10	
		200	

Akaun Susut Nilai Terkumpul Perabot			
	2024		RM
	Jan 1	Baki b/b	510

Pada 31 Disember 2024, perabot disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
 Hitung susut nilai terkumpul perabot bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

- A RM510
 B RM1 020
 C RM1 530
 D RM10 710

- 35 Maklumat berikut diambil daripada Kilang Simen Johor.

	RM
Mesin (kos)	90 000
Susut nilai terkumpul mesin	27 000

Berapakah harga jualan mesin tersebut jika perniagaan mengalami kerugian atas jualan mesin tersebut sebanyak RM5 000?

- A RM32 000
 - B RM58 000
 - C RM68 000
 - D RM85 000
- 36 Apakah keperluan menyediakan Imbangan Duga Terselaras?
- A Menyemak ketepatan catatan bergu
 - B Menyemak ketepatan pengiraan dalam lejar
 - C Menyemak ketepatan pengiraan dalam Buku Catatan Pertama
 - D Memastikan segala rekod pelarasan yang dibuat adalah betul dan seimbang
- 37 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Sally berakhir 31 Mei 2025.

	RM
Untung kasar	21 400
Sewa dibayar	660
Komisen diterima	480
Faedah simpanan tetap	320

Maklumat tambahan:

Sewa prabayar berjumlah RM110.

Berapakah untung bersih Perniagaan Sally dalam tahun kewangan tersebut?

- A RM20 900
- B RM21 010
- C RM21 650
- D RM22 860

38. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu kesilapan dalam Imbangan Duga.

Belian sebanyak RM3 000 daripada Alia telah direkodkan dalam Akaun Ali.

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan prinsip
 - B Kesilapan komisen
 - C Kesilapan songsang
 - D Kesilapan saling mengimbangi
- 39 Maklumat dibawah diperoleh daripada buku Kedai Runcit Camelia.

Pemilik telah mengeluarkan barang niaga RM1 350 untuk kegunaan anaknya tetapi urus niaga ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap untung kasar jika pembetulan tidak dilakukan?

- A Untung kasar bertambah RM1 350
- B Untung kasar berkurang RM1 350
- C Untung kasar bertambah RM2 700
- D Untung kasar berkurang RM2 700